

Headline	Bom jangka		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	1,4	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	597 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 21,964
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,893



www.hmetro.com.my

Edisi Tengah

Remaja Vietnam tekad  
sebar penyakit kelamin

# Bom jangka

> "Daripada sakit sendirian, biar semuanya sakit," kata Chi, 16, (*gambar*) remaja Vietnam penghidap penyakit kelamin kronik yang juga seorang pekerja seks di ibu negara. Cita-cita Chi hanya satu, mahu setiap pelanggannya dijangkiti sifilis yang dihidapnya. Lebih menakutkan, dakwa Chi, ramai lagi pelacur dan GRO Vietnam menghidap penyakit seperti ini. muka **4**

Laporan Mohd Firdaus Ibrahim dan Muhaamad Hafis Nawawi

Headline	Bom jangka		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	1,4	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	597 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 21,964
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,893

# Dendam nak sebar sifilis

Gadis warga Vietnam berusia 16 tahun dipaksa jadi pekerja seks mahu pelanggan turut menderita

>>Oleh Mohd Firdaus Ibrahim dan Muhaamad Hafis Nawawi

am@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: “Dari pada sakit sendirian, biar semuanya sakit,” kata Chi, 16, gadis Vietnam penghidap penyakit kelamin kronik yang dieksploitasi sebagai pekerja seks selepas diperangkap sindiket pelacuran.

Berkongsi kisah hitamnya dengan Harian Metro, Chi mendakwa dia dipaksa menjadi pekerja seks di Malaysia selepas terperangkap dengan janji manis sindiket pelacuran yang menawarkan pekerjaan sebagai model atau kerani dengan bayaran mencecah RM3,000 sebulan.

Menurutnya, sejak dipaksa menjadi pekerja seks, dia mula berdendam dengan lelaki dan hanya berpura-pura gembira ketika melayani mereka di ranjang.

“Jika tidak berbuat demikian, saya dipukul bapa ayam. Jadi, mahu tidak mahu, saya terpaksa layan mereka,” katanya memberitahu dia turut dipaksa mengambil

ubat yang membolehkannya melayan 10 lelaki dalam satu malam.

Ketika diminta menjelaskan lebih lanjut mengenai penyakit kelamin dihidapinya dan kehendaknya mahu menyebarkan penyakit itu

kepada lelaki yang melanggannya, Chi berkata segala-galanya bermula apabila dia menyedari dirinya dijangkiti.

“Doktor mengesahkan saya menghidap sifilis tahap kronik selepas lapan bulan saya menjadi pelacur. Ia besar kemungkinan berpunca daripada hubungan kelamin dengan pelanggan yang ada kalanya tidak mahu menggunakan kondom.

“Sejak itu kesihatan bukan lagi perkara penting bagi saya. Pelanggan yang menyebabkan saya berpenyakit dan sebab itu saya mahu semua lelaki yang melanggan saya menghidap penyakit sama.

“Lebih penting bagi saya ialah mencari duit sebanyak

mungkin dan menamatkan ‘kontrak’ dengan sindiket yang memaksa saya melacur,” katanya yang turut mendakwa ramai lagi pelacur dan pelayan pelanggan (GRO) Vietnam menghidap penyakit kelamin.

Bercerita lanjut bagaimana dia boleh terikat dengan ‘kontrak’ kumpulan sindiket pelacuran itu, Chi berkata, dia pada mulanya ditawarkan menjadi kerani atau model di Malaysia selepas menjalani sesi temu duga di negaranya.

“Selepas menerima tawaran itu, mereka (sindiket) menyediakan dokumen perjalanan sah untuk saya datang ke Malaysia. Awal tahun lalu, saya dibawa ke negara ini melalui jalan darat iaitu melalui Thailand sebelum masuk bersama puluhan wanita lain dan beberapa lelaki.

“Sebaik tiba di Malaysia, pasport saya dirampas dan dipaksa membayar AS\$30,000 (RM96,000) ke-

pada mereka. Disebabkan gagal berbuat demikian, saya dan gadis yang berwajah cantik dipaksa melacur bagi membayar semula wang berkenaan,” katanya.

Menurutnya, wanita dan lelaki yang tidak dilacurkan pula, dikerah menjadi buruh binaan atau pembantu rumah.

Chi berkata, dia bebas daripada cengkaman sindiket terbabit selepas ditahan polis yang melakukan serbuan di premis dia bekerja di ibu kota, September lalu dan kini dalam proses untuk dihantar pulang ke negaranya.

## Fakta

Mangsa dipaksa ambil ubat yang membolehkannya melayan 10 lelaki dalam satu malam